

## BAB 2

### PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI PRA-AKADEMI ISLAM NILAM PURI

#### 2.0 Pengenalan

Bagi melengkapkan tempoh kursus, pihak Universiti telah memperuntukkan dua tahun kepada pelajar-pelajar Pra-Akadem Islam Nilam Puri (Pra-AIUM). Dalam jangka tempoh tersebut, kursus telah dibahagikan kepada empat semester yang bermula daripada semester satu hingga empat. Tahun pertama meliputi semester I hingga semester II manakala semester III dan IV dalam tahun kedua. Bilangan minggu yang terlibat antara semester pula dapat dipecahkan seperti berikut:

Jadual 3 : Bilangan minnqgu semester I

Semester I	
Suaikenal dan pendaftaran	
kuliah	8 minggu
Cuti	2 minggu
Kuliah	7 minggu
Ujian lisan/al-Quran	1 minggu
Peperiksaan	2 minggu
jumlah	23 minggu

#### Jadual 4 : Bilangan minggu semester II

Semester II	Jumlah Minggu
Kuliah	7 minggu
Cuti	1 minggu
Kuliah	6 minggu
Ujian lisan	3 minggu
Cuti	14 minggu
	31 minggu

Penetapan minggu-minggu ini tidaklah begitu rigid dan tertakluk kepada perubahan yang dilakukan oleh pihak Universiti.

#### 2.0 Kepentingan Pengajaran Bahasa Melayu di Pra-Akademi Islam Nilam Puri.

Mengikut soal-maklumat yang diperoleh daripada tenaga pengajar. Kepentingan pengajaran Bahasa Melayu terkandung dalam enam ciri bahasa itu sendiri iaitu:

##### 1) Bahasa itu mempunyai bunyi

Tanpa bunyi yang dikeluarkan oleh alat-alat sebutan, bahasa tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Pengajaran Bahasa ditekankan kepada cara-cara penyebutan perkataan dengan betul.

**ii) Bahasa mempunyai sistem**

Bahasa Melayu mempunyai susunan yang tertentu, sama ada dalam bentuk bunyi-bunyi perkataan, susunan perkataan, nahu atau sintaksis. Melalui sistem inilah pertuturan dapat dilakukan dengan tepat dan bernas. pengajaran dilakukan mengikut sistem-sistem bahasa yang betul bagi mengelakkan berlakunya kesalahan berbahasa.

**iii) Bahasa mempunyai bentuk**

Bentuk-bentuk yang terkandung dalam bahasa Melayu ialah seperti ayat-ayat, rangkai kata, perkataan, imbuhan dan lain-lain lagi. Berdasarkan bentuk inilah pentingnya Bahasa Melayu diajar bagi memberi penerangan kepada pelajar tentang sifat-sifat bahasa melayu yang mempunyai kelainan dengan bahasa lain.

**iv) Bahasa mempunyai makna**

Bahasa bertugas untuk menyampaikan dan menyatakan sesuatu. Titik tolak daripada inilah pentingnya bahasa Melayu diajar kepada pelajar di Pra-AIUM supaya pelajar dapat bertutur dengan jelas dan bermakna.

Ini bertepatan dengan kenyataan Prof. Dato' Asmah Haji Omar berbunyi:

" bahasa adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dengan manusia yang lain dengan menggunakan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat ujaran yang terdapat dalam tubuh mereka. Bunyi-bunyi itu tersusun menurut hukum-hukum yang ada dalam sesuatu masyarakat. Pemakai bahasa tertentu, sehingga dapat melambangkan bukan sahaja buah fikiran yang sudah dan sedang dilahirkan, tetapi juga yang akan dilahirkan".

( Asmah Haji Omar, 1971:57 )

v) **Bahasa itu berubah**

Bahasa Melayu sering berubah mengikut peredaran masa selagi penuturnya berinteraksi dengan manusia lain. Menyedari hakikat ini pentingnya bahasa Melayu diajar bagi mendedahkan kepada pelajar-pelajar dengan corak perkembangan bahasa agar tidak ketinggalan.

vi) **Bahasa itu Arbitrarsi**

Arbitrarsi merujuk kepada perkataan-perkataan yang berlainan bagi benda-benda yang sama. Kriteria kajian ini ialah pengajaran bahasa Melayu standard, oleh itu sebarang penggunaan bahasa selain daripada kriteria ini dianggap salah dan tugas tenaga pengajar menyedarkan pelajar supaya menggunakan bahasa Melayu standard bagi mengelakkan kesalahan berbahasa.

Selain dari apa yang telah tersenarai di atas, kepentingan lain bahasa Melayu terhadap pelajar di Pra-AIUM ialah untuk membolehkan pelajar menguasai empat perkara asas dalam bahasa itu sendiri seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Diharapkan dengan berjayanya pelajar-pelajar menguasai 4 perkara asas di atas, pelajar-pelajar dapat menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat mengikut konteksnya.

Mengikut soal - maklumat yang diperoleh daripada tenaga pengajar menunjukkan Bahasa Melayu juga penting diajar di Pra-Aium bagi mengimbangi penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa lain (Bahasa Arab). Pelajar banyak didedahkan dengan bahasa Arab

sebagai mata pelajaran penting dalam pengajiannya dan ini bertepatan dengan mata pelajaran yang diambilnya. Bagi mengelakkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam menguasai bahasa lain, maka bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diperkenalkan, diharapkan dengan pengajaran bahasa ini pelajar-pelajar akan menjadi insan yang serba boleh dalam menguasai ilmu pengetahuan sama ada dalam dan luar negara.

## 2.2 **Sukatan Pelajaran**

Sukatan pelajaran Pra-AIUM ( dipetik daripada Buku Panduan Akademi Islam Nilam Puri), telah ditetapkan oleh pihak Universiti iaitu pelajar-pelajar diwajibkan mengambil tujuh mata pelajaran setiap semester . Tujuh sukatan pelajaran tersebut dapat dipecahkan kepada:-

### i) **Bahasa Arab**

Kursus Bahasa Arab dibahagikan kepada tiga iaitu Bahasa Arab I, Bahasa Arab II dan Bahasa Arab III. Penekanan Bahasa Arab adalah kepada karangan (maqal) dan kaedah-kaedah Bahasa (Nusus). Penekanan kepada mata pelajaran ini adalah perlu untuk melatih pelajar-pelajar supaya mahir dalam Bahasa Arab yang menjadi asas kepada Akademi Islam.

**ii) Syariah**

Mengkaji perkembangan perundangan Islam (Fiqh dan Usul Fiqh) Faraidh, Tarikh Tasyre' dan Qawaid Faiqhiyyah dari masa Rasulullah S.A.W serta perlaksanaannya sehingga masa kini.

**iii) Usuluddin**

Menekankan tentang Aqidah Islam, Tafsir dan Hadith, Al-Quran, Mantiq dan Akhlak yang menjadi teras kepada agama ayat-ayat al-Quran dan Sirah Rasul S.A.W yang menjadi ikutan dalam segala aspek.

**iv) Bahasa Malaysia**

Menekankan kepada tatabahasa, karangan, kefahaman, ringkasan yang menjadi asas kepada Bahasa Melayu.

**v) Bahasa Inggeris**

Menekankan kepada pembacaan, penulisan dan penggunaan Bahasa Inggeris supaya dapat digunakan dalam percakapan harian dan penulisan akademik.

Sukatan pelajaran di atas memperlihatkan bahawa Bahasa Melayu merupakan salah satu mata pelajaran yang diberi penekanan dalam melengkapkan sukanan pelajaran. Fokus kajian ini ialah Bahasa Melayu yang ditinjau dari segi morfologi. Pengajian Bahasa Melayu di Pra-Aium dapat disimpulkan kepada empat perkara utama bermula semester I hingga IV iaitu:

- a) Tatabahasa
- b) Pertuturan dan Perbincangan
- c) Bahasa dan Sastera
- d) Penulisan

Walaupun pada asasnya empat perkara ini ditekankan tetapi ia mempunyai kelainan dari segi pengajaran antara semester I hingga IV. Perbezaan pengajaran boleh dirujuk kepada lampiran 2.

Perbincangan dalam kajian ini akan ditumpukan kepada sukanan pelajaran Bahasa Melayu yang telah diselaraskan oleh penyelaras Bahasa Melayu di Pra-AIUM. Sukatan yang menjadi rujukan bolehlah dirujuk kepada lampiran 3. Sebelum perbincangan dilanjutkan ada baiknya pengertian konsep seperti bab terdahulu. Perkataan yang menjadi kata kunci untuk

diberi pengertian ialah "Pengajaran". Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1993), pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar (seperti cara atau sistem mengajar). Maksud di atas kalau difahami dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di Pra-AIUM bermakna bagaimanakah Bahasa Melayu diajar kepada pelajar-pelajar untuk memaksimumkan tahap penguasaan Bahasa Melayu? Bagi menjawab permasalahan di atas ada baiknya ditinjau sukatan Pelajaran Bahasa Melayu yang telah disusun oleh penyelaras Bahasa Melayu di Pra-Aium. Secara umumnya sukatan pelajarannya (lampiran 3) boleh diringkaskan sebagaimana jadual 5 di bawah.

#### JADUAL (5) PEMBAHAGIAN MINGGU

Bil	kenyataan minggu	Jumlah minggu
1	Bilangan minggu keseluruhan 23	
2	Minggu terlibat dalam pengajaran	15
3	Minggu terlibat dalam peperiksaan	02
4	Minggu cuti	06

Jadual 5

Jadual di atas memperlihatkan secara kasar perjalanan pengajaran Bahasa Melayu di Pra-AIUM. Terdapat 23 minggu terlibat pada semester I dan III. Daripada 23 minggu tersebut ianya dipecahkan kepada 3 bahagian iaitu;

- a) Pengajaran = 15 minggu
- b) Penilaian = 02 minggu
- c) Cuti = 06 minggu

Setelah memenuhi 23 minggu beserta lulus dalam penilaian, pelajar-pelajar akan menyambung pembelajaran mereka kepada sukanan pelajaran lain juga selama 23 minggu. (rujuk lampiran 4)

Dalam 15 minggu pengajaran Bahasa Melayu pengkaji dapat membuat rumusan jadual 6 di bawah;

Jadual 6 : Sukatan Pengajaran Mengikut Minggu

Bil	Pengajaran	Minggu terlibat	Jumlah
1	Pengenalan	1-2	2 minggu
2	Tatabahasa	3-5	3 minggu
3	Bertutur	6-8	3 minggu
4	Menulis	11-13	3 minggu
5	Kesusasteraan	14-17	4 minggu
		jumlah	13minggu

Pada minggu pertama dan kedua telah diperuntukkan untuk pengenalan. Dalam minggu ini penerangan dilakukan mengenai kursus Bahasa Melayu yang ditawarkan iaitu mempunyai dua bidang yang perlu dikuasai oleh pelajar. Bidang yang dimaksudkan ialah Bahasa Melayu dan Kesusasteraan. Melalui soal makumat

daripada penyelaras Bahasa Melayu, rasional mengapa Bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib di Pra-AIUM ialah kerana ciri-ciri bahasa itu sendiri yang mempunyai kepentingan seperti yang diterangkan dalam bab pertama terdahulu iaitu;

- a) Untuk membolehkan pelajar menguasai empat perkara asas dalam bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis untuk diseimbangkan dengan kemahiran yang di kuasai dalam Bahasa Arab.
- b) Pelajar yang memasuki kursus di Pra-Aium terdiri daripada pelajar lepasan SPM, jadi mereka sudah mempunyai asas kemahiran secara tidak langsung. Oleh itu dengan pengajaran ini akan memaksimakan lagi penguasaan bahasa mereka.
- c) Untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berketerampilan dan lebih luas dalam berbahasa kerana penggabungan dilakukan antara bahasa Melayu dan bunga-bunga bahasa iaitu kesusastraan.

d) Mengayakan lagi Bahasa Melayu  
dikalangan pelajar.

Pengajaran tatabahasa diperuntukkan selama tiga minggu (3-5 minggu) dengan memberi tumpuan kepada morfologi. Terdapat empat perkara utama yang mewujudkan morfologi (proses pembentukan kata) iaitu;

- a) Pengimbuhan
- b) Penggandaan
- c) Pemajmukan
- d) Akronim

Dapatan daripada soal-maklumat juga jelas menunjukkan rasional aspek morfologi ditekankan dalam pengajaran Bahasa Melayu di Pra-Alum iaitu pertamanya membolehkan pelajar-pelajar menguasai selok-belok bahasa mengikut konteks tertentu khususnya untuk menguasai pertuturan (forum, perbahasan dan pidato) serta keduanya pula untuk membolehkan pelajar-pelajar menguasai penulisan dengan memberi tumpuan kepada karangan. Pengajaran tatabahasa diberi penekanan bahasa mengikut semester iaitu:-

**a) Semester I, III dan IV**

Tumpuan diberi pada latihan dan kegiatan untuk pemulihian dalam aspek-aspek tatabahasa yang merupakan 'problem areas' sahaja. Ia dijalankan 1 jam seminggu selama 3 minggu semester pertama. Ini termasuklah "suprasegmentals". Ejaan betul juga ditekankan dengan cara menyenaraikan ungkapan-ungkapan baku.

**b) Semester II**

Tumpuan diberi sama seperti semester I, III dan IV tetapi pada semester ini satu projek kecil jaya diri berkumpulan diadakan. Dalam projek ini seramai 5 orang pelajar ditugaskan untuk menyiapkan satu kertas latihan mengumpulkan kesalahan-kesalahan berbahasa yang dilakukan oleh pengguna-pengguna tertentu mengikut punca, tarikh, kesalahan dan pembetulan.

Setelah pelajar didedah dengan tatabahasa selama 3 minggu, pelajar-pelajar akan didedahkan pula dengan kemahiran bertutur pada minggu (6-8) pada setiap semester selama tiga minggu. Terdapat tiga corak pertuturan yang dirangka iaitu:-

- a) Forum**
- b) Perbahasan**
- c) Pidato/ceramah**

Forum dan perbahasan dilakukan secara berkumpulan dan pidato secara individu. Perjalanan pertuturan pada setiap semester dapat dilihat dibawah iaitu;

a) Semester I dan II

i) Penyampaian ceramah dalam kelas oleh pelajar mengenai tajuk pilihan yang telah disenaraikan. Pelajar juga dipelawa menyumbangkan tajuk-tajuk pilihan mereka. Soal jawab serta kritikan dan pandangan dilakukan oleh pelajar mengenai ceramah tersebut.

ii) Perbincangan terkawal mengenai tajuk-tajuk tertentu seperti masalah kehidupan, agama, politik dan sebagainya.

iii) Bahan rujukan dikumpul oleh pelajar melalui majalah, jurnal, suratkhabar dan sebagainya.

b) Semester III

i) Forum oleh pelajar dengan tajuk-tajuk dihasilkan oleh pihak pengajar dan pelajar.

ii) 'Mesyuarat Agung/Umum' mengenai Islam dan keislaman oleh semua ahli dalam kelas kuliah. Tajuk-tajuk akan ditentukan oleh tenaga pengajar dan pelajar.

c) Semester IV

i) Perbahasan tentang perkara/tajuk yang ditentukan pengajar.

ii) Pelajar akan membentang kertas kerja mengenai agama dan keagamaan dan juga tajuk-tajuk bukan agama.

Corak pertuturan forum dan perbahasan lebih menumpukan kepada kumpulan yang dibentuk sendiri oleh pelajar. Peruntukan masa pula, setiap pelajar dikehendaki bertutur selama 5-10 minit setiap seorang. Dalam ketiga-tiga corak pertuturan di atas guru pembimbing akan meneliti kepada cara pemilihan kata, kelancaran dan isi sebelum markah diberikan sebagai sebahagian daripada penilaian peperiksaan.

Kemahiran menulis pula akan didedahkan mulai minggu 11-13 selama tiga minggu. Penekanan diberikan kepada cara menulis karangan dengan baik yang merangkumi tiga bahagian utama iaitu:-

- a) Pembukaan
- b) Isi dan huraian/pengembangan idea
- c) Penutup

Pelajar-pelajar dilatih untuk menulis karangan berdasarkan tajuk-tajuk umum dan khusus dalam pelbagai bidang ilmu dan kehidupan, membuat ulasan mengenai paragraf/keratan yang agak kontroversial, seperti peribahasa : "Di mana ada kemahuan di situ ada jalan-lawan- rezeki secupak tidak akan menjadi segantang".

Bahagian terakhir terkandung dalam sukanan pelajaran ialah bahasa dan sastera. Dalam pengajaran sastera telah diperuntukkan selama 4 minggu bermula minggu 14 hingga 17. Corak pendekatan pengajarannya dapat pengkaji simpulkan untuk setiap semester bermula semester I hingga IV. Sebuah novel dan separuh daripada isi kandungan antologi cerpen akan dikaji. Kajian berupa projek sebagai latihan akademi tentang ;

- i) Bahasa: tatabahasa, keindahan dan sebagainya.
- ii) Persoalaan-persoalan nilai hidup Islam/masyarakat.
- iii) Watak dan perwatakan
- iv) Penulis novel/penyusunan antologi cerpen.

Pelajar dikehendaki memilih dua (2) daripada perkara di atas dan hasil latihan akan dinilai (diberi markah) untuk dicampurkan dengan markah peperiksaan semester. Bagi menyenangkan pelajar pihak tenaga pengajar telah menyediakan borang-borang kajian tersebut merangkumi perwatakan, tema dan persoalan, mesej, alur dan latar mengikut keperluan dan tingkat kepentingan. (rujuk lampiran 5)


Penggabung jalinan antara Bahasa Melayu dan Sastera di Pra-Aium bertujuan untuk melengkapkan proses "competance" dan "performance" seperti yang diutarakan oleh Chomsky dalam pendekatan Transformasi-Generatif. Perkataan Competance merujuk kepada kemampuan seseorang dalam berbahasa dalam kognisi (mental). Manakala Performance pula merujuk kepada pertuturan yang dikeluarkan oleh seseorang berdasarkan kemampuannya. Diharapkan dengan adanya kemampuan (competance) melalui gabungan bahasa dan kesusasteraan ini akan melahirkan pelajar-pelajar yang matang dan lebih pragmatis dalam penggunaan bahasanya.

### **2.3 Aspek Bahasa Yang Diajar.**

Bahasa merupakan satu kod yang dikongsi oleh masyarakat untuk mewakili suatu konsep melalui simbol ujaran dengan pelbagai kombinasi dalam penggunaannya. Mengikut Bloom dan Lahay (1978), bahasa boleh dipecahkan kepada tiga komponen utama iaitu;

- a) Form (bentuk)
- b) Content (isi kandungan)
- c) Use (penggunaannya)

Ketiga-tiga komponen di atas dapat dirujuk kepada rajah 2 dibawah;



**Rajah 2 ; Komponen Bahasa**

Hasil gabungan ketiga-tiga komponen tersebut akan melahirkan bahasa pertuturan yang difahami oleh penuturnya. Pecahan komponen-komponen tersebut ialah:

a) Form -(Bentuk)

Ia terdiri daripada tiga perkara pokok iaitu:-

i) Fornologi- Peraturan yang menetapkan unsur-unsur bunyi bahasa.

ii) Morfologi- Peraturan yang menetapkan susunan pembentukan perkataan.

iii) Sintaksis- Peraturan yang menentukan susunan perkataan yang boleh membezakan jenis-jenis ayat.

b) Content (isi)

Merujuk kepada semantik iaitu peraturan yang menetapkan erti/makna dan kombinasi perkataan.

c) Use (kegunaan)

Merujuk kepada bidang pragmatis iaitu peraturan yang menetapkan penggunaan bahasa dalam konteks sosial dan persekitarannya.

Berbalik kepada pengajaran Bahasa Melayu di Pra-AIUM, sukanan pelajaran yang ditawarkan mempunyai ketepatan dengan apa yang dikatakan oleh Bloom dan Lahey. Melalui temubual dengan tenaga pengajar Bahasa Melayu di Pra-AIUM, beliau menerangkan bahawa pengajaran Bahasa Melayu lebih menekankan kepada morfologi terutama dalam pengajaran tatabahasa. Bagi proses morfologi perlu dikuasai dahulu sebelum lahirnya sintaksis dan pragmatik yang baik dan tepat yang terkandung antara aspek yang ditekankan dalam morfologi semasa pengajaran ialah;

- a) Morfem bebas dan morfem terikat
- b) Pengimbuhan
- c) Penggandaan
- d) Pemajmukan dan
- e) Akronim

#### 2.4 Sistem Penilaian

Bagi membuktikan kebolehan pelajar-pelajar menguasai morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatis di atas maka sistem penilaian melalui peperiksaan diadakan. Penilaian merujuk kepada proses pengumpulan maklumat secara sistematik berdasarkan alat dan teknik tertentu untuk mewujudkan perubahan perilaku

(Behavior) pada diri pelajar sebagaimana ditentukan oleh sukanan pelajaran. Perubahan perlakuan di sini berkaitan dengan teori behaviurisme yang memperkatakan bahawa perlakuan seseorang pelajar itu boleh diubah dengan menggunakan kaedah tertentu. Melalui penilaian yang dilakukan ke atas kebolehan pelajar akan memberi gambaran secara menyeluruh di manakah kelemahan dan kekuatan pelajar. Perubahan perlakuan dapat dilakukan dengan mengemaskinikan perkara-perkara terkebelakang yang menyebabkan kelemahan wujud, contohnya daripada kurang membaca kepada rajin membaca.

Penilaian dilakukan dengan mengadakan ujian kepada pelajar mengikut Tuckman (1975:12) ujian bolehlah ditakrifkan sebagai satu jenis atau kumpulan alat pengukuran yang biasanya digunakan untuk mengetahui tentang seseorang. Manakala Gagne 1970.3 (dipetik dalam Kamarudin Hj.Husin 1988:30) pula memberikan definasi ujian sebagai cara yang sistematik untuk mengukur tingkah laku seseorang individu kerana pembelajaran telah dikaitkan dengan perubahan tingkah laku.

#### **2.4.1 Kepentingan Sistem Penilaian**

Penilaian dan ujian mempunyai tujuan tertentu untuk kebaikan secara tumpang tindih antara tenaga pengajar dan pelajar. Baik pencapaian pelajar dalam ujian maka baiklah gambaran yang diberi tentang pengajaran tenaga pengajar dan sebaliknya. Mengikut Abdullah Hassan (1993:302), beliau telah membahagikan tiga kategori tujuan ujian iaitu:

- a) kebolehan
- b) kemahiran dan
- c) kecapaian

Kebolehan menjelaskan kemungkinan seseorang itu belajar bahasa, kemahiran menerangkan apa yang dibuat oleh pelajar itu pada masa tertentu. Kecapaian menerangkan sebanyak mana yang telah dipelajari. Dalam bukunya, Testing English as a Second Language (1969) D.P Hartis telah memberi enam tujuan mengapa kita menguji atau membuat penilaian iaitu:

- a) menentukan keupayaan untuk mempelajari ilmu.
- b) menggolongkan pelajar ke dalam kelas yang berlainan.

- c) menentukan kekuatan dan kelemahan seseorang.
- d) mengukur kebolehan untuk belajar.
- e) meninjau kejayaan mempelajari bahan.
- f) menilai kesan bahan mengajar.

Berbalik kepada penilaian di Pra-AIUM, kajian pengkaji sistem penilaian dilakukan menepati 5 daripada 6 tujuan yang telah disarankan oleh D.P Harris. Terdapat tiga instrumentasi yang digunakan dalam sistem penilaian di Pra-AIUM iaitu;

- a) ujian lisan
- b) ujian bertulis melalui kertas projek
- c) ujian bertulis (peperiksaan)

Ujian lisan memperuntukkan 15%. Tugasan kertas projek 15% dan peperiksaan 70% diadakan pada setiap akhir semester. Penilaian ini dilakukan pada setiap semester bermula akhir semester I hingga akhir semester IV.

#### **2.4.2 Ujian Lisan**

Dalam ujian lisan pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada 5 orang satu kumpulan dan masa diperuntukkan selama 30 minit. Pemilihan tajuk yang ditetapkan berbeza mengikut semester iaitu:

**a) Semester I dan II**

Tajuk-tajuk umum/terbuka seperti strategi, mengatasi masalah, perancangan, pembantahan, penyelenggaraan dan lain-lain. Perbincangan oleh satu kumpulan 5 orang yang mana tajuknya diberi pada masa setiap kumpulan itu menjalani ujian pertuturan dan tiap seorang bercakap tentang satu aspek tajuk tersebut.

**b) Semester III**

Tajuk juga umum/terbuka seperti strategi, teknik, kaedah mengatasi masalah dan lain-lain. atau

Tajuk-tajuk yang abstrak seperti berani, keikhlasan, dusta dan lain-lain.

**c) Semester IV**

Tajuk-tajuk berkisar kepada seni, sains dan teknologi, politik, ekonomi dan agama.

Penilaian dilakukan dalam ujian ini berdasarkan kepada ketepatan, pemilihan kata, kelancaran berbahasa dan kemantapan idea yang dikemukakan. Peruntukan markah pula (sila rujuk lampiran 6)

#### 2.4.3 Kertas Projek Semester

Ia merujuk kepada bentuk ujian peringkat kedua di Pra-AIUM. Cara perlaksanaan dilakukan dengan dua cara iaitu pertamanya pembentangan kertas kerja secara individu seperti pidato dan syarahan serta pembentangan melalui kumpulan seperti forum dan perbahasan. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan dalam kelas dan penglibatan pelajar digalakkan seperti soal jawab antara pembentang dan penonton.

Kedua melalui tugasan yang telah diberi pada awal semester dan pelajar akan cuba menyiapkan dalam masa yang diperuntukan. Peruntukan markah akan dilakukan oleh tenaga pengajar yang meliputi 15% daripada markah keseluruhan.

#### **2.4.4 Ujian Bertulis**

Ujian bertulis dilakukan pada akhir setiap semester. Peruntukan masa menjawab ialah 2-3 jam. Format soalan hampir sama antara semester I hingga IV yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:-

- i) Bahagian A: mengarang

Menulis karangan kira-kira 300-350 patah perkataan.

- ii) Bahagian B: membuat ulasan

Calon dikehendaki mengulas sebuah paragraf/keratan yang dapat merangsang daya kritikan mereka. Panjang ulasan kira-kira 200 patah perkataan.

- iii) Bahagian C: kajian/novel/cerpen dan puisi.

Calon dikehendaki menjawab soalan konteks tentang novel atau cerpen.

Terdapat perbezaan dalam setiap bahagian antara semester I hingga IV. Perbezaan tersebut dapat diringkaskan seperti Jadual 7 di bawah:

**Jadual 7 perbezaan ujian bertulis antara semester**

Semester	Bahagian A (karangan)	Bahagian B (ulasan)	Bahagian C (kajian novel)
1	300-350 patah perkataan	200 patah perkataan	soalan konteks cerpen/novel
2	350 patah perkataan	membuat alasan/kritikan/soalan cadangan tentang pengurusan, penerapan, ketegasan, penyediaan dan lain-lain 200 patah	konteks novel dan cerpen
3	400 patah	membuat ulasan kritikan sesuatu pendapat orang-orang tertentu dalam segala bidang kehidupan 200 patah	soalan konteks novel dan cerpen
4.	400-450	membuat ulasan patah kritikan/cadangan perkataan tentang, pengurusan konteks penerapan,ketegasan penyediaan dan lain-lain 200 patah	soalan novel dan cerpen

**JADUAL 7**

Melalui pendedahan pengajaran bahasa Melayu di Pra-AIUM dan perbincangan mengenai penilaian dapat menjelaskan bagaimana perjalanan pengajaran bahasa Melayu dilaksanakan.Bab ini menerangkan bagaimana sistem penilaian dan proses pemberian markah yang membolehkan pelajar-pelajar lulus dan meneruskan pengajian mereka.